Next, analyse your stuff every 6 months! If you haven't used a possession longer than 6 months, obviously you no longer need it.

You should also think of what to do with your unwanted stuff. If they are still usable and in good condition, you can either auction or donate it but if it is too soiled like clothes or books - always opt for recycling it. H&M Clothing Store is currently offering a service to recycle all sorts of our textile materials and in return, they will let us have a discount card to shop at their store! Double happiness, right?

Another effective tip, never procrastinate your sorting activities. Once you have got yourself a new pair of shoes, immediately run through your entire collection to check if there is any that you would like to take off your list. That should work for your other possessions too!

Lastly, try to use up wall spaces rather than dumping everything you have on the floor. You can always get DIY ledge shelves to arrange your items like picture frames, cute cactus vases or even your pen holders!

Remember, failing to organise your stuff is paving the way to eventually failing to organise your life. Till next time, folks!



"It's interesting to see that people had so much clutter even thousands of years ago. The only way to get rid of it all was to bury it, and then some archaeologist went and dug it all up."

– Karl Pilkington, [An Idiot Abroad: The Travel Diaries of Karl Pilkington](#)

Home Garden

‘Have it YOUR way!’



Curated by Wan Noorli Razali

“And it is He who sends down rain from the sky, and we produce thereby the growth of all things. We produce from it greenery from which we produce grains arranged in layers. And from the palm trees – of its emerging fruit are clusters hanging low. And [we produce] gardens of grapevines and olives and pomegranates, similar yet varied. Look at [each of] its fruit when it yields and [at] its ripening. Indeed in that are signs for a people who believe.” (Qur’an, 6:99)

The holy book, Al-Quran has mentioned many names of plants and trees like olives, pomegranates, figs and date palms. It shows how important they are in this world, for Allah s.w.t has created them for the benefit of human being, never aimlessly.

Every single person on earth loves plants and trees though not many enjoy planting them. Thus, this article is written to share the experiences and tips when dealing with plants and trees. Before we proceed discussing about them in the next edition, I feel that we should discuss the much more vital and foundational aspects to consider when planting. We start with the reason why we plant.

In our life, there isn't a moment of sanity when we do something without purpose. We eat to survive, to enjoy our food or to please the cook. Whatever we do, we know the reason why. Same goes with planting and gardening. Why do we do so? Is it because we want to ensure that we plant our own food that are free from harmful pesticides? Or is it because we wish to have a home environment that is soothing and refreshing? What ever the reason is, we should never do it because others do or because it is the current trend since the movement control order. Knowing why we plant ensures the continuous motivation and effort in looking after them.

Secondly, we must plant what we love. Do not grow a plant just because at a moment, we thought it looks good. We should love and enjoy them. We want them to feed our needs and are therapeutic to us. Our home is where we live with our loved ones, it is where our heart is. Thus, it should also be surrounded by plants that we like. To me, I love roses so much, and it also reminded me of my little sister. She loved its fragrance so much. It is true that fragrant flowers whose aroma filled the air can help relieve stress. In addition, flowers invite good pollinators like the bees. I also plant vegetables that my family love such as, spinach, cucumbers and tomatoes. We also include a must-have ingredient for the Malay cuisine like lemongrass, turmeric, ginger, curry as well as pandan leaves. Planting what we need, and love will make us care for them better than when we don't.

Now that we know what we wish to have in our garden, where can we plant these trees and plants? The answer to this depends on the space that we have. With more space, we can plant them in raised beds like what I did at home. We can also opt for pots or containers arranged vertically should we have a more limited space. Should we plant them near or in distance from one another? The answer to that falls back on what is the purpose of our garden. Personally, I love my garden to look more natural, without much thought of the landscape, which is why it is disorganised. My aim is also to plant as much as possible so that I can reduce on purchasing from the market. Thus, I plant them closely. Plants are very flexible; they can grow and still produce even if they have to fight for space.

Having said that, our fourth important aspect of gardening is to realize that trees and plants are living creatures. We tend to overlook their needs more often than we do to our pets simply because they cannot complain or express their dissatisfaction.

continued on the next page ...

Imagine if they can complain, I am sure that there are so many injustices voiced. Well, it does not mean that we should prepare a house or cage for them like what we do to our cat. However, we have to be fair. For example, if our trees are planted on the ground, they can independently seek for water and nutrition through root extensions. However, if we put them in the pots, this ability is restricted. Thus, we are guilty if we do not provide them sufficient water and nutrients. Apart from that, plants can fall sick too, infected with diseases. Thus, we need to ensure we treat them when they fall ill. Trees and plants too, require medical care.

Finally, we should have realized that all we can do as human is to put as much effort as possible to plant and grow these plants and trees. We can be responsible by providing them the basic care that they need. But we can never decide on their life and death. Only God has the say. This is similar to their ability to produce, the amount and quality of the production. This is all *rezeki*, decided by the Almighty God.

Thus, stay positive. Do not grumble when you see the flowers wilt and fall down onto the ground from a fruit tree, leaving the branches filled only with leaves. Just ask yourself, maybe some part of the nutrients is missing. After a few trials and all effort done, leave it to Allah s.w.t and pray that the tree is allowed to bear its fruits. Even if there is only a single fruit on a big tree, be content and grateful, as something is always better than nothing. When you pluck that single fruit, and you can see that a portion of it is taken away by insects, never curse and despair, because that day, you are given by God a portion of the fruit, not the whole. You are asked to share it with the insects. For God has prepared a better gift from the sharing in the After Life.

Allah's Messenger (ﷺ) said, "There is none amongst the Muslims who plants a tree or sows seeds, and then a bird, or a person or an animal eats from it, but is regarded as a charitable gift for him." In my jungle, I have shared them mostly with the insects, birds and squirrels. I enjoy seeing them flying and running in my small garden. Come and go as they please. The condition makes me feel more alive. We can also share the harvest with our neighbours when we have extra.

My dearest readers and gardeners, there is no one right way of planting. Just make sure you enjoy planting what you need and love. Remember, your garden is for YOU and your family. Therefore, have it your way!



The right side of my home garden



The left side garden when I'm facing my house



The front part of my garden beside my porch



Lecturer's Contribution #1



Perayaan Hantu (Hungry Ghost Festival)

Ditulis oleh Ong Sheau Fen

Bagi masyarakat Malaysia, *Halloween* adalah perayaan hantu yang bukan asing kepada kita semua. Akan tetapi, adakah anda tahu, masyarakat Cina juga ada sambut perayaan hantu? Berlainan dengan *Halloween* yang disambut pada bulan Oktober, Perayaan Hantu orang Cina disambut pada hari ke-15 bulan 7 dalam kalendar Cina. Hari ke-15 bulan 7 adalah hari hantu dan bulan ke-7 secara amnya dianggap sebagai bulan hantu. Pada tahun ini, hari ke-15 bulan 7 dalam kalendar Cina jatuh pada 2 September.

Kegiatan yang dijalankan dalam Bulan Hantu

Dalam bulan hantu, Penganut agama Buddha dan Tao percaya syurga, neraka dan fana dibuka dan nenek moyang serta orang kesayangan yang meninggal dipercayai keluar menziarahi keturunan mereka. Ciri-ciri terpenting dalam bulan hantu adalah penyembahan nenek moyang, yang mana ketaatan para keturunan disambung beri kepada nenek moyang walaupun selepas kematian mereka. Para keturunan menyediakan persembahan makanan secara ritual, pembakaran wang neraka kepada roh-roh nenek moyang yang menziarah, iaitu melayan orang yang meninggal seolah-olah mereka masih hidup. Penganut Buddha dan Tao juga menjalankan upacara amal untuk membebaskan penderitaan orang yang meninggal kerana mereka percaya roh-roh yang keluar dari neraka dan roh-roh yang berayau dengan bebas dalam dunia ini menderita dengan kelaparan, sesat mencari jalan dan sebagainya.

Perayaan Hantu di Malaysia

Perayaan Hantu di Malaysia dimodenkan dengan persembahan opera Cina, pertunjukan patung kayu dan nyayi di atas pentas yang didirikan dikawasan tokong Cina daripada dana sumbangan para penduduk. Selain itu, colok-colok besar naga juga dicucuk untuk tujuan penyembahan.



Foto untuk persembahan opera Cina di tokong Cina, Bukit Mertajam pada tahun lalu. Perkataan Cina yang dipaparkan dengan lampu LED di dalam kanan foto adalah sarikata cerita opera. Persembahan tradisional kini menjadi semakin menarik dengan bantuan teknologi.

continued on the next page ...

Lecturer's Contribution #2

Emoticon as a communicator

By Noor Laili Mohd Yusof

Do you know that emoticon is a coined word? It originated from the words "emotion icon" as a pictorial representation of a facial expression using countless characters. Besides expressing a person's feelings or mood, emoticon can also be manipulated as a tool for a time-saving method of communication especially for virtual engagement.

Are you a frequent user of emoticons? There are numerous ready-made emoticons available in the market particularly align with the development of technology especially with the innovation of sophisticated gadgets. They were initially used on text messages in the late 1990s by utilizing text punctuation and evolve significantly in virtual communication when some devices and applications have provided schematic pictures that portray explicit emotions through facial gestures. William (2017) also agrees that emoticons have played a significant role in communication through technology and offer another range of "tone" and feeling through texting in the midst of text-based cyber communication.



Can emoticons communicate human feelings? Can emoticons help in conveying messages better than texts? Is the utilisation of emoticons creates more personal messages? Receivers' interpretation of the messages might differ based on surroundings, educational background and culture especially when they are not being accompanied by texts. Researchers had discovered that emoticons can help to increase the "intensity" of its intended meaning when used in association with a written message (Derks et al, 2007). Consequently, emoticons do not stand alone. They can be manipulated to reinforce and reduce ambiguity of a message's meaning but the display of image-based depictions of faces can be misleading too especially in expressing complex ideas. Sarcasm, for instance, can be taken literally by the receivers and the intended meaning will be dissolve with unpredictable consequences. Therefore, graphical depictions cannot be simply used to signify emotions. They need to be embedded with words as a communicator.



Colok besar naga

Pantang Larang dalam Bulan Hantu

Orang Cina tidak membuka kedai yang baru pada bulan hantu kerana takut membawa sial kepada perniagaan. Perkahwinan tidak diadakan pada bulan ini kerana takut mendapat isteri atau suami hantu. Orang ramai juga dinasihatkan tidak mendekati kawasan kolam, air terjun, dan laut kerana risau diri akan menjadi pengganti kepada hantu air. Sesetengah daripada mereka juga tidak melancong kerana takut ditimpa kemalangan dalam perjalanan.

Kesimpulan

Walaupun ada kepercayaan tradisional dan pantang larangnya untuk perayaan hantu, namun untuk percaya atau tidak, ia bergantung kepada seseorang individu. Yang penting perayaan ini memberi kita peluang untuk mengenang orang tersayang yang meninggal. Perayaan hantu disambut dengan meriah setiap tahun di tokong Cina di Bukit Mertajam dan ia telah menjadi acara tahunan sejak tahun 1965 dan tentu saja, sambutan tradisional ini juga tidak dapat dipisahkan dari promosi makanan enak, mengambil gambar dan penganjuran aktiviti untuk menarik pelancong. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, dalam masa wabak covid-19 masih berleluasa, Perayaan Hantu tahun ini adalah disambut secara minimum dan ringkas.

... continued from the previous page.

Lecturer's Contribution #3

Penggunaan Nombor-nombor dalam Pembentukan Kata Masa Bahasa Mandarin

Oleh Lim Soo Giap

0 = líng
1 = yī
2 = èr
3 = sān
4 = sì
5 = wǔ
6 = liù
7 = qī
8 = bā
9 = jiǔ

10 = shí
100 = yībǎi
1000 = yīqiān
10,000 = yīwàn
1,000, 000 = yībǎiwàn



Angka 1 hingga 6 digunakan utk menamakan Hari Isnin hingga Hari Sabtu.

Ahad = xīngqīrì / xīngqītiān
Isnin = xīngqīyī
Selasa = xīngqīèr
Rabu = xīngqīsān
Khamis = xīngqīsì
Jumaat = xīngqīwǔ
Sabtu = xīngqīliù



Nián-tahun

èrlíngèrlíngnián = tahun 2020
Jinnián = tahun ini
Míngnián = tahun depan
Qùnián = tahun lepas

zǎoshang (pagi), xiàwǔ (petang), wǎnshang (malam)

Jintiān zǎoshang = pagi ini
Jintiān xiàwǔ = petang ini
Jintiān wǎnshang = malam ini

Míngtiān zǎoshang = pagi esok
Míngtiān xiàwǔ = petang esok
Míngtiān wǎnshang = malam esok

zuótiān zǎoshang = pagi semalam
zuótiān xiàwǔ = petang semalam
zuótiān wǎnshang = malam semalam

Yuè-bulan

Bulan 1 = yīyuè
Bulan 2 = èryuè
Bulan 3 = sānyuè
Bulan 4 = sìyuè
Bulan 5 = wǔyuè
Bulan 6 = liùyuè
Bulan 7 = qīyuè
Bulan 8 = bāyuè
Bulan 9 = jiǔyuè
Bulan 10 = shíyuè
Bulan 11 = shíyīyuè
Bulan 12 = shíèryuè

Zhège yuè = bulan ini
xiàge yuè = bulan depan
shàngge yuè = bulan lepas

Tiān-hari

Jintiān = hari ini
míngtiān = hari besok
zuótiān = semalam



Lecturer's Contribution #4

ACHEH: 15 TAHUN SELEPAS TSUNAMI KRISMAS

By Dr. Rofiza Aboo Bakar

Dunia dilanda dengan pelbagai ujian seperti gempa bumi, banjir besar, ribut taufan termasuklah wabak seperti Selesema Sepanyol, MERS-CoV dan yang terbaru pastinya COVID19. Namun penulis terpanggil untuk menulis tentang Aceh dan Tsunami Krismas memandangkan ianya memberikan suatu kenangan abadi yang tidak mungkin terlupakan kerana ianya berlaku betul-betul pada tarikh perkahwinan penulis.

Tanggal 26 Disember, 2019 genaplah lima belas tahun berlakunya peristiwa gempa bumi dahsyat dan tsunami yang melanda empat belas negara: Indonesia, Sri Lanka, India, Thailand, Somalia, Maldives, Myanmar, Tanzania, Seychelles, Bangladesh, Yaman, Afrika Selatan, Kenya termasuk Malaysia. Aceh yang terletak di wilayah paling barat di negara Indonesia dan paling hujung di utara pulau Sumatera adalah kawasan pertama dan amat teruk dilanda tsunami yang berlaku akibat gempa bumi Sumatera-Andaman yang dikenali sebagai gegaran tujahan mega dalam Lautan Hindi berskala Richter 9.1 sehingga 9.3.

Dianggarkan di Aceh sahaja, lebih daripada 167 000 rakyatnya telah terkorban manakala 500 000 yang lain telah kehilangan tempat tinggal. Secara keseluruhannya, tsunami pada 2004 yang mendapat jolokan pelbagai nama seperti Tsunami Krismas, Tsunami Lautan Hindi 2004, Tsunami Asia Selatandan Tsunami Indonesia telah mengorbankan kira-kira 230 000 sehingga 280 000 jiwa yang berada berhampiran dengan kawasan pantai dan sekitarnya dengan gelombangnya yang mencecah 30 meter tinggi dan 7 kilometer menyusur ke atas darat dengan kelajuan 360 kilometer sejam. Sudah pasti, mangsa yang terselamat berasakan kepedihan yang mendalam akibat kehilangan sama ada anak, suami, isteri, ibu, ayah mahupun jiran tetangga. Namun, seiring masa yang terus berputar tanpa henti, kehidupan yang dianugerahkan Tuhan mesti diteruskan.

Penulis memilih berada di bumi Aceh pada tarikh genapnya lima belas tahun sesudah Tsunami Krismas 2004 berlaku. Mengembara dengan motosikal, penulis sempat menemuramah beberapa mangsa yang terselamat daripada tragedi ini serta meninjau aktiviti-aktiviti harian penduduk-penduduk lain bagi meneruskan kelangsungan hidup. Tetapi untuk e-Lingua ini, penulis memfokuskan kepada Ibu Daryati sahaja.

Ibu Daryati

Ibu Daryati bekerja menjual minuman dan makanan di puncak Gunung Geurutee yang berada di wilayah barat Tanah Rencong, Aceh Jaya, Aceh. Untuk sampai ke sini, penulis terpaksa melalui jalan berliku dengan cerun yang tajam dengan bukit-bukau yang menjulang tinggi di sebelah kiri serta jurang yang di bawahnya laut nan membiru di sebelah kanan. Perjalanan untuk sampai ke puncak ini memakan masa kira-kira dua jam dengan motosikal dari Banda Aceh serta perlu melewati dua lagi gunung iaitu Gunung Paro dan Gunung Kulu. Sepanjang-panjang perjalanan, dapat disaksikan penanda 'Jalur Evakuasi' iaitu jalan khas yang dibina untuk mengarahkan penduduk ke kawasan berkumpul yang selamat sekiranya berlaku gempa bumi atau tsunami.

Sebaik sahaja penulis memberhentikan motosikal dan meletaknya di tepi warung milik Ibu Daryati, beliau berteriak, "Piyuk, piyuk!" memanggil agar penulis masuk ke warungnya. Mungkin itu teriakan yang bermakna "Silakan" di dalam Bahasa Melayu. Teh panas dipesan beserta mee Aceh yang berkuah pedas bercili padi dan dipecahkan telur sebagai penambah selera. Lokasi warungnya betul-betul mengadap tiga pulau: Pulau Keluang, Pulau Suden dan Pulau Kemiga. Pemandangan dari atas kedai begitu mempesonakan dengan air laut biru-hijau yang jernih bersempadan dengan Lautan Hindi serta pasir pantai yang putih bersih ditambah dengan bayu segar meniup wajah.

Ibu Daryati, wanita berusia awal 60-an, amat sibuk memanggil-panggil pelanggan tetapi masih meluangkan masa melayani beberapa



Penulis bermotosikal ke puncak Gunung Geurutee. Perjalanan memakan masa dua jam dari Banda Aceh dengan liku-liku berbukit-bukau di kiri dan jurang di kanan

soalan penulis tentang pengalamannya tentang tsunami. Menurutnya, Pulau Kemiga dahulunya sebelum Tsunami Krismas 2004 bersambung dengan Pulau Suden. Kenderaan seperti kereta dan motosikal boleh melalui jalan yang menyambungkan kedua-dua pulau itu. Namun, setelah terjadinya tsunami, kedua-dua pulau itu terpisah. Beliau menunjukkan gambar fotokopi usang yang dilekatkan di dinding warungnya yang menggambarkan fenomena tersebut.

Dianggarkan kira-kira 25 buah keluarga yang mendiami Pulau Suden terkorban di dalam musibah itu. Beliau beserta suaminya terselamat kerana keluar dari rumah mereka sejak awal pagi dan berada di puncak Gunung Geurutee untuk bersiap-siap membuka warung. "Hari itu hari Minggu, saya udah keluar awal kerna bersiap-siap mahu jualan. Ya kan... hari itu hari Minggu, cuti. Orang kampung masih ramai yang ada di rumah, tidak keluar ke mana-mana," ujarnya sambil mengenang kembali apa yang berlaku. "Pagi itu kiranya pukul delapan, ada bunyi kuat, air laut beberapa menit kemudiannya langsung menghantam rumah-rumah. Orang kampung, hewan semuanya mati. Tidak ada lagi yang tinggal di Pulau Suden selepas itu. Hanya jadi tempat persinggahan nelayan. Di Pulau Keluang itu ada gua walet." Walet adalah kelawar di dalam Bahasa Melayu. Khabarnya, gua kelawar di situ sudah berusia ratusan tahun.

Ujarnya lagi, lapan keluarga terdekatnya meninggal dunia akibat tsunami itu namun enggan menjelaskan siapa mereka. Mungkin beliau terlalu sedih mengenangkan tragedi itu. Diajak bergambar, beliau dan suaminya tidak menolak. Ditanya apakah pengharapannya selepas ini, beliau berharap tidak berlaku lagi tsunami selepas ini dan agar pemiagannya yang menyelamatkan dirinya dan suaminya di atas puncak Gunung Geurutee pada hari kejadian Tsunami Indonesia 2004 itu boleh terus berjalan demi kelangsungan hidup mereka.

26 Disember ditabalkan sebagai hari cuti bagi membolehkan rakyat setempat bersolat, berdoa dan mendengar tazkirah di merata-rata masjid. Di ingatan mangsa-mangsa yang terselamat, tidak mungkin terlupakan mangsa-mangsa yang pergi yang merupakan anak, isteri, suami, ibu, bapa, rakan atau kenalan. Namun kesedihan makin termampir seiring perjalanan masa. Hidup ini mesti diteruskan, dan diteruskan dengan penuh rasa kesyukuran. Wallahu'alam.

Lecturer's Contribution #5

Superstar Libra Cruise: Pelayaran Mewah ala Titanic

By Noraziah Mohd Amin



Ketika melangkah masuk ke dalam perut *Superstar Libra Cruise*, mata saya terpegun melihat dekorasi kapal yang dihias indah seolah-olah berada di dalam sebuah hotel lima bintang. Kedatangan kami disambut dengan alunan gemersik muzik berelemen romantik yang lembut menjamah halwa telinga oleh *Gorne Brothers Trio*. Saya juga terpegun melihat kekacakan dan keanggunan staf-staf di dalam *cruise* ini terutamanya yang berasal daripada Filipina. Ada yang berwajah seperti Jericho Rosales dan tak kurang juga yang mirip hero Malaya, Aron Aziz. Oh! Kalau lama-lama di dalam kapal ini, boleh jatuh cinta saya! Sememangnya staf-staf di dalam kapal ini berasal daripada pelbagai negara seperti Malaysia, India, China, Vietnam, Indonesia, Myanmar dan lain-lain lagi dan ini boleh dilihat pada gambar bendera yang tersemat di uniform mereka. Mungkin kewujudan staf yang datang dari pelbagai negara dapat membantu masalah komunikasi jika terdapat penumpang dari luar negara. Sebelum melangkah masuk ke dalam kapal ini, saya dan adik terlebih dahulu perlu melepasi check point di Pelabuhan Swettenham Pier, Pulau Pinang di mana pemeriksaan pasport dan tiket akan dilsayakan selain sesi bergambar dengan penyambut tetamu kapal yang berpakaian cantik. 15 minit sebelum kapal berlayar pada pukul 5.00 petang, para penumpang diwajibkan untuk menghadiri *safety drill* di stesen yang telah ditetapkan sepertimana yang dinyatakan dalam *International and Maritime Law*.

Setelah meninjau-ninjau seketika di ruang lobi, saya terus menuju ke bilik atau kabin penginapan saya bersama adik perempuan saya selama empat hari tiga malam di dalam kapal ini. Sangkaan saya bilik yang bakal kami inapi adalah seluas ruang stor penyimpanan barang nyata meleset. Bilik *Ocean View* kami di tingkat enam cukup selesa dan tidaklah terlalu kecil. *Superstar Libra* menawarkan pelbagai jenis bilik di dek kapal berbeza seperti *Inside Starteroom*, *Oceanview Starteroom with Window*, *Deluxe Oceanview Starteroom*, *Oceanview Starteroom with Porthole*, *Oceanview Stateroom with Window* dan *Deluxe Oceanview Starteroom*. Bagi mereka yang tidak biasa menaiki kapal laut, alunan ombak yang membuatkan kapal sedikit terumbang-ambing boleh memeningkan kepala dan oleh itu mereka dinasihatkan untuk bersiap sedia dengan bekalan ubat tahan pening.

Setelah berbaring-bering seketika di dalam bilik, saya dan adik segera mengisi perut dengan *welcoming snack* di restoran *Four Seasons* di tingkat empat. Sekali lagi sangkaan saya meleset apabila *snack* yang saya fikir hanya sekadar keropok dan kekacang sebenarnya adalah sajian lengkap minuman petang bercorak *buffet* seperti hidangan kuih-muih, bihun goreng, dan pelbagai jenis *pastry* seperti kek dan roti. Tepat jam enam petang di hari yang sama, para penumpang disambut meriah dengan *welcoming party* yang diberi nama, *Oktoberfest Sail Away Party* di tingkat sembilan berdekatan kawasan kolam renang. Kami dihiburkan dengan nyanyian dan tarian oleh *Clique Sound Show Band* dan *4 Celsius Band*. Belumpun sempat makanan tadi 'dikeluarkan', kali ini kami disajikan lagi dengan pelbagai jenis hidangan *buffet* yang enak seperti *barbecue* udang, ikan, daging, ayam, kambing dan sosej, buah-buahan segar serta makanan-makanan berat seperti spageti, nasi, dan lain-lain lagi. Apa yang boleh saya simpulkan, percutian menaiki *cruise* ini memang mengenyangkan! Nasib baik saya bukan jenis yang suka berdiet, jadi malam itu saya

sememangnya tidur lena dengan perut yang kembung kekenyangan.

Pihak pengurusan mempraktikkan sistem transaksi tanpa wang tunai dengan penggunaan kad akses kecuali di kedai-kedai tertentu dalam kapal. Penggunaan kad akses sepanjang di dalam kapal ini benar-benar menyenangkan urusan pembelian barangan dan perkhidmatan yang disediakan. Antara barangan yang dapat dibeli di dalam kapal ini adalah cenderamata, barangan kosmetik dan minyak wangi di kedai *duty free* serta makanan dan minuman yang tidak tersenarai di dalam pakej. Manakala, perkhidmatan yang dapat dibeli adalah persembahan hiburan seperti drama komedi berjudul "*LOL*" *Laugh Out Loud* dan *Nikita*, serta *tour* di Phuket, Krabi atau *tour* ke kawasan pengemudian *cruise* (*Bridge Tour*) dan ruangan penyediaan makanan di atas kapal (*Galley Tour*). Persembahan *Nikita* hanyalah untuk penumpang berusia 18 tahun ke atas kerana ia merupakan *adult show* yang memaparkan tarian sensual gadis-gadis seksi. Untuk persembahan ini, maaf, saya tidak berminat untuk melihat 'aset' yang saya sendiri miliki! Buat yang merancang untuk makan di dua restoran pada satu-satu slot makan, kad akses yang disediakan telah menghadkan hanya satu restoran sahaja yang dapat dipilih, jadi percubaan anda untuk makan dua kali tidak akan berjaya ye!

Pelayaran dengan *Superstar Libra Cruise* bukan sekadar pelayaran kosong dengan hanya menatap lautan luas terbentang sepanjang masa kerana pihak pengurusan kapal telah menyediakan pelbagai aktiviti untuk disertai oleh para penumpang seawal jam 8.00 pagi sehinggalah jam 3.00 pagi seperti pertunjukan magik, persembahan tarian dan nyantian serta pelbagai kelas seperti kelas seni mempertahankan diri, kelas memasak dan kelas pembuatan kraftangan di samping tayangan filem. Bersempena dengan sambutan *Oktoberfest*, pihak pengurusan kapal telah menyediakan kelas pembuatan topi Jerman. Perlu diingatkan bahawa tidak semua aktiviti dan kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan kapal adalah percuma kerana ada sesetengahnya perlu dibayar. Antara kemudahan yang disediakan adalah *Fitness Center*, kolam renang, pusat kesihatan, salon kecantikan, perpustakaan, trek jogging dan pusat karaoke. Saya langsung tidak terasa bosan di sini kerana setiap massaya dimanfaatkan dengan sebaiknya dengan aktiviti-aktiviti yang saya sertai. Paling menghiburkan ialah persembahan magik oleh seorang lelaki Eropah berperut buncit bernama Zee Deneck yang sangat melucukan kerana persembahannya yang santai dan berunsur komedi membuatkan ketawa tidak kering gusi. Perkhidmatan wifi juga ada disediakan untuk dibeli tetapi kelajuan internet adalah diklasifikasikan sebagai untuk kegunaan "Light Surfing" sahaja.

Lawatan kami ke Phuket dan Krabi juga berjalan lancar dan tanpa masalah kerana pihak *cruise* telah terlebih dahulu membantu kami merancang lawatan kami di sana dengan menawarkan pelbagai pakej *tour* seperti pakej *Shopping Spree*, *Island Sight Seeing*, *Kayaking Adventure*, *Relaxing*, *Island Show Extravaganza*, *Elephant Riding*, *Snorkeling* dan lain-lain lagi pada harga berpatutan. Ini dapat menjimatkan masa penumpang daripada tercari-cari pakej lawatan setibanya di destinasi-destinasi yang ditujui. Pengalaman berpindah ke bot kecil daripada *cruise* untuk ke pantai Krabi membuatkan saya teringat babak menyelamatkan penumpang-penumpang kapal Titanic yang hampir

continued on the next page ...


... continued from the previous page

tenggelam di dalam filem Titanic. Gemar sungguh saya ini berimajinasi! Penumpang telah dipindah ke bot kecil yang akan membawa mereka ke pesisir pantai Phuket dan Krabi secara berperingkat-peringkat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Tempoh masa yang diberikan kepada para penumpang untuk menikmati destinasi-destinasi yang disinggahi iaitu Phuket dan Krabi adalah sangat terhad dan kami agak terkejar-kejar ketika melawati tempat-tempat menarik di sana kerana kami tidak mahu terlepas masa *boat pick up* untuk kembali ke *cruise*. Jadi, para penumpang harus bijak mengatur masa ketika melawat Phuket dan Krabi dan sememangnya mereka tidak mungkin dapat menikmati sepenuhnya kedua-dua tempat ini jika diberikan jumlah masa antara 5-12 jam sahaja sebelum kapal berlayar semula menuju destinasi seterusnya.

Malam terakhir pelayaran kami dengan *cruise*, kami diraikan lagi dengan acara *Gala Dinner* penuh formal dan tertib. Untuk menyertai *Gala Dinner* ini, para penumpang perlu membuat tempahan di restoran yang dipilih kerana tempat adalah terhad dan tertakluk kepada konsep yang cepat, dia dapat. Terdapat dua pilihan restoran untuk *Gala Dinner* tersebut iaitu *Four Seasons* dan *Ocean Palace* yang mana setiap satunya menawarkan dua sesi *Gala Dinner* iaitu pada pukul 6.45 petang dan 9.00 malam. Saya memilih *Four Seasons* yang merupakan sebuah restoran makanan barat untuk *Gala Dinner* tersebut. Turut serta dalam majlis ini adalah kapten kapal, Peder Nilsson (warga Sweden) di samping krew kapal yang lain. Ini adalah acara makan malam paling eksklusif pernah saya alami. Dengan kerusi ditarik dan dipersilakan duduk oleh pelayan, serta diletakkan napkin di atas riba, saya terasa seperti puteri raja! Di majlis itu, saya terasa seperti Rose di dalam filem Titanic apabila menyarungkan gaun serba hitam. Saya sedikit terkilan bila mengenangkan, "Jack" tiada di sisi saya kala itu. Alangkah baha-

giannya jika ada *Prince Charming* seperti Leonardo DiCaprio Bersama saya menjamah makan malam serba enak di situ. Makan malam kali ini agak berbeza dengan hari-hari sebelumnya bukan hanya kerana penumpang disyaratkan memakai pakaian formal dan digalakkan berdandan, tetapi juga kerana kami dikejutkan dengan tarian tanpa disangka-sangka daripada pelayan-pelayan di restoran tu yang begitu menghiburkan. Bersempena dengan bulan Oktober yang merupakan bulan sambutan *Halloween*, kami diraikan dengan *Viva De Libra Farewell Party* yang bertemakan *Halloween* di tingkat sembilan dengan jua-dah yang pelbagai jenis dan persembahan daripada "hantu-hantu" yang pandai menari. Sempat saya bergambar dengan satu "lembaga" hodoh untuk kenangan.

Sebelum keluar daripada perut kapal, kami perlu melepasi urusan *check out* yang melibatkan pembayaran *outstanding bil* (ini boleh dilsayakan juga sehari sebelum *check out*) pengambilan semula *passport* yang disimpan oleh pihak pengurusan kapal atau beg yang besar yang memerlukan bantuan krew kapal untuk dibawa turun daripada kabin yang iinapi. Semua urusan ini dilsayakan dengan sistem nombor giliran yang sangat sistematik dan teratur serta berjalan lancar tanpa masalah. Pengalaman bercuti ke Phuket dan Krabi menaiki *Superstar Libra Cruise* akan sentiasa terpahat di minda kerana inilah kali pertama saya menaiki kapal mewah penuh layanan mesra serta pengendalian yang sistematik. Bagi saya percutian dengan kapal ini adalah percutian yang cukup menghiburkan serta mengenyangkan dan pastinya membuatkan sesiapa yang tidak berdiet boleh bertambah berat badan. Sememangnya berat badan saya telah naik dua kilo! Pengalaman yang dilalui di sepanjang pelayaran dengan kapal ini akan sentiasa menggamit memori indah buat saya.



Lecturer's Contribution #6

This Solace is All We Need

(written in the first week of MCO)

by Che Nooryohana Zulkifli



*It is the solace.
The silence we have been missing.*

The years have passed us by.

*The countless sheets of papers we have written on,
long gone faces we can hardly recall,
the wails of machines that we have jabbed again and again,
for what now?*

*What really matters now?
The scores we've pinned on our boards of glory or the moolah we've made?*

*This solace is all we need.
Looking up and looking back, all we need now is for Him to answer us.
We implore Him to just look at us now and please, listen.
So weak we are now.*

*Where were we when He opened up His arms?
Did we ever give Him the love that He deserves?*

*Perhaps we've abandoned Him far too long,
and even if He ever ignores us now, don't you think it's fair?*

*We love this world way too much,
This the perfect time for us to sit, to finally realise that the destination is never here.*

*This solace is all we need.
For Him to reach for us again.*

*Call upon Me; I will respond to you.
(Al-Ghafir: 60)*

March 22nd, 2020.



Lecturer's Contribution #7



We are One for this Battle

by Noraziah Mohd Amin

*Covid-19 came like a storm
Ravishing lives of any form
Young and old collapsed in suffocation
Triggering a strong emotion
Of the loved ones who couldn't even say "goodbye"
Or shed more tears as they were already dry
After seeing the suffering of those in pain
After all their hopes were just in vain
Covid-19 finally stopped the heartbeat line
How much the virus was cruel and unkind.*

*Malaysians will not surrender to the evil virus
A little devil notorious for being contagious
The battle lines have been drawn
It's a fight to win before many lives are gone
As long as we are united as one nation
With the same mission
We are one for this battle
Our hearts will not be fragile or brittle
"One for all! All for one!" is our mantra
It is not a propaganda
The impossible will become possible
The unbelievable will become believable
If we are tied to each other in the name of unity
The spirit is stronger than our own body immunity!*

*One for all! All for one!
It's not the job of the front liners but everyone
Every effort will make a difference
With great discipline and patience
The new norms to embrace
A new challenge to face
To obey the orders of the leaders
The MCO, social distancing, masks and sanitizers
Being screened and quarantined are critical
Everyone is responsible for a miracle
And when Covid-19 cases are zero
Each one of us will be a hero!*

*One for all! All for one!
We will see light as bright as the sun
At the end of the tunnel
After all our struggle
After all our effort
We can sit in comfort
When Covid-19 is no longer our trouble
Then we know we have won the battle!*



Lecturer's Contribution #8

Malaysia and Covid-19

by Noraziah Mohd Amin

*Covid-19 came without a warning
Early 2020 had only a disaster to bring
A global pandemic that caused a panic
This merciless killer isn't just an epidemic
Many have been sent to early grave
Those who couldn't be saved
With no last words to hear
No loved ones to see near
They're gone forever...*

*Before more lives were claimed
and the start of a blame game
Malaysia didn't sit down with nothing to aim
The saying, "Kita pasti menang!" or "We will win!"
Was planted in the brain
A growing hope for the pain
of witnessing again and again
The last breath of a human being
A stem of wishes branching
in the hearts of Malaysians
For we could win with discipline and patience
In the state of medical turbulence
Sparked by an evil virus so contagious
For we know MCO is something serious
And the words have a message for us:
"Kita jaga kita" or "We protect ourselves"
are not just any words left to die themselves
They are alive in our mind
And we hope for a good sign.*

*We can break the virus chain
Doing the impossible is the victory to gain
"Malaysia boleh!" and yes! We can!
As long as we join hands
And leave our differences far behind.*

